

# Lelaki lepas dan bebas pertuduhan edar 7.6kg syabu empat tahun lalu

**KUCHING:** Mahkamah Tinggi di sini kelmarin melepaskan dan membebaskan seorang lelaki berusia 43 tahun daripada pertuduhan mengedar 7.6 kilogram syabu, empat tahun lalu.

Hakim Alexander Siew How Wai mengarahkan tertuduh Lai Meng Sun dibebaskan selepas mendapati piliak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh.

Justeru, mahkamah menetapkan tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa perlu dipanggil untuk membela diri.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada 29 Julai 2020, jam 12.45 tengah hari di Balai Ketibaan Antarabangsa, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK).

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Subseksyen 39B(2) Akta sama.

Menurut laporan terdahulu, tertuduh yang baru tiba di LTAK menaiki penerbangan dari Johor pada hari kejadian, ditahan selepas pemeriksaan terperinci oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)

Sarawak terhadap bagasi tertuduh, susulan imbasan mesin pengimbas kelihatan mencurigakan.

Pemeriksaan rapi yang dijalankan membawa kepada penemuan 10 bungkus yang dibaluti kerajang aluminium mengandungi bahan kristal disyaki dadah jenis syabu yang dianggarkan bernilai RM405,040.

Difahamkan, tertuduh tidak mengetahui isi kandungan beg tersebut susulan pembungkusan dilakukan oleh rakannya yang turut menaiki penerbangan sama, dan beg itu diberikan kepadanya di lapangan terbang oleh rakan tersebut.

Selain itu difahamkan juga semasa perbincangan, beg itu dikatakan mengandungi pakaian milik dua individu lain seperti yang dinyatakan dalam laporan DNA.

Perbincangan yang bermula sejak 26 September 2022 itu menyaksikan sejumlah 13 saksi dipanggil untuk memberikan keterangan dalam kes ini.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Syazwani Zawawi sementara tertuduh diwakili peguam lantikan mahkamah Timothy Finlayson Joel.